NGUAN CHWEE LING

lwn.

LIM LAI HUAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
KUALA LUMPUR
DATUK HAJI MOKHTAR BIN
HAJI SIDIN H.
[PETISYEN PENCERAIAN
NO: S5-33841-93]
21 JUN 1994

UNDANG-UNDANG KELUARGA: Nafkah isteri - Perintah interim nafkah - Prinsip yang dipakai bagi mengeluarkan perintah - Samada nafkah perlu berasaskan "means and needs" suami dan isteri - Samada isteri perlu membuktikan "immediate need" - Tunggakan nafkah - Samada Mahkamah mempunyai kuasa untuk memberi tunggakan nafkah - Kedudukan di sisi Common Law - Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss. 77, 78, 86, 88.

Pemohon dalam kes ini telah berkahwin dengan responden pada 25 Oktober 1988. Perkahwinan tersebut menghadapi masalah dan setelah beberapa bulan tinggal bersama pemohon membawa diri dan tinggal di Kuala Lumpur. Pada 24 Februari 1992, responden, tanpa memberi apa-apa sebab, meminta persetujuan pemohon untuk bercerai tetapi tidak dipersetujui oleh pemohon. Pada 31 Disember 1993 pemohon telah memfailkan permohonannya sendiri untuk menuntut cerai dan pada tarikh yang sama memohon untuk mendapatkan perintah interim untuk nafkah sebanyak RM5000 sebulan bermula dari tarikh perkahwinannya dengan responden.

Fakta kes menunjukkan bahawa pemohon tidak mempunyai apa-apa harta sendiri atau pekerjaan yang tetap. Responden sebaliknya mempunyai pendapatan melebihi RM12000 sebulan dan memilikki pegangan saham berbayar dalam beberapa syarikat bernilai lebih RM1 juta. Walau pun begitu sejak mereka berkahwin responden gagal memberikan nafkah yang sepatutnya kepada pemohon.

Semasa perbicaraan di dalam kamar Yang Arif Hakim memutuskan bahawa pemohon berhak mendapat nafkah sementara sebanyak RM4000 sebulan. Mahkamah bagaimanapun membenarkan penghujahan lanjut kes pada 24 Mac 1994, dimana responden, disamping mempertikaikan keperluan pemohon tinggal di Kuala Lumpur, berhujah bahawa nafkah seharusnya berasaskan kepada "means and needs" kedua-dua pihak dan dengan demikian pemohon mestilah membuktikan "immediate need" untuk pembayaran nafkah setinggi RM5000 tersebut.

Diputuskan:

[1] Dari kes-kes yang dirujuk oleh responden adalah nyata bahawa keperluan untuk membuktikan "immediate need" hanya timbul dalam keadaan di mana isteri mempunyai pendapatan dan harta sendiri yang menyebabkan Mahkamah berpendapat, atas dasar dan prinsip equiti, bahawa isteri mampu menanggung dirinya sendiri dan tidak berhak mendapatkan nafkah daripada suaminya. Keadaannya berbeza dengan kes ini dimana pemohon tidak mempunyai kerja atau pendapatan yang tetap dan beliau juga tidak mempunyai apa-apa harta.

[2] Pemohon telah membuat pengakuan bahawa beliau malu untuk pulang ke rumah ibubapanya di Muar dengan keadaan rumah tangganya yang gagal oleh kerana rumah ibubapanya berada berdekatan dengan rumah suaminya dan keluarga suaminya. Dalam keadaan ini pemohon tidak boleh disalahkan kerana membawa diri untuk menampung hidup di Kuala Lumpur.

[3] Hak untuk mendapatkan nafkah termasuk nafkah sementara bukan sahaja diperuntukkan oleh ss. 77 dan 78 Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 tetapi juga di dalam Common Law dimana prinsip yang dipakai ialah pertama, menjadi tugas suami pada dasarnya untuk membayar nafkah kepada isteri dan kedua, sungguhpun isteri mempunyai pendapatan tetap ini tidak membebaskan suami daripada membayar nafkah. Di samping itu, sepertimana yang diperuntukkan dalam s. 86 Akta, Mahkamah juga diberi kuasa untuk memberikan nafkah tunggakan walaupun hanya untuk selama tiga tahun selepas sesuatu tindakan dimulakan.

[4] Tuntutan pemohon bukanlah satu tuntutan sebagai seorang yang mewah atau pun melebihi daripada biasa. Apa yang dituntut hanyalah merupakan sesuatu yang perlu bagi seorang yang tinggal di Kuala Lumpur dan bersesuaian dengan kemampuan suaminya. Dengan mengambil kira prinsip undang-undang yang terlibat serta fakta kes, dan dengan mengambil

kira juga pendapatan suami dan keperluan isteri, nafkah sementara yang diberikan di dalam kamar adalah berpatutan dan dikekalkan dengan tarikh kuatkuasanya bermula 1 Januari 1991.

[Permohonan untuk nafkah sementara dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:
SS. v. HJK 1333 ***(dibezakan)***
Agnes Lim Koay Tee v. Ang Lai San [1992] 4 CLJ 1965
Raquiza v. Raquiza [1947] MLJ 202 ***(dibezakan)***
Lee Yu Lan v. Lim Thain Chye [1984] 1 MLJ 56 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, ss. 77(1), 78, 86(1), (3),88(1)

Lain-lain sumber yang dirujuk:
Mallal's Monthly Digest, October 92

Bagi pihak pempetisyen - Low Hop Bing; T/n. Low Hop Bing & Associates
Bagi pihak responden - J.K. Yeong; T/n. Lim Kean Siew & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Mokhtar bin Haji Sidin H:
Ini adalah satu permohonan daripada pempetisyen/ isteri (selepas ini dipanggil "isteri" sahaja) untuk mendapatkan satu perintah interim untuk nafkah daripada responden/suami (selepas ini dipanggil "suami" sahaja) sejumlah RM5,000 sebulan bermula daripada 25 Oktober 1988.

Mengikut fakta yang tidak dipertikaikan isteri telah berkahwin dengan suami pada 25 Oktober 1988 dan perkahwinan telahpun didaftarkan di Pejabat Pendaftar Perkahwinan di Muar, Johor. Mereka telah tinggal bersama di PK 58, Jalan Serom, Muar, Johor dan di Blok 11-9-6, Flat Taman Sri Damai, Lebuh Raya Batu Lanchang, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun ini tidak lama sebagaimana yang diakui oleh isteri iaitu selama tiga bulan sahaja. Tidak ada sebab mengapa ini telah berlaku. Tidak dinafikan suami selalu sahaja tidak ada di rumah sama ada berada di luar kawasan ataupun di luar negeri dan jarang sekali menghabiskan masanya dengan isteri dan tidak ada memberi nafkah kepada isteri. Tidak ada anak diperolehi hasil dari perkahwinan ini. Pada 11 Februari 1992 suami telah menulis surat kepada isteri yang dia ingin menceraikan isteri tanpa memberi apa-apa sebab dan minta persetujuannya. Isteri pada 24 Februari 1992 melalui peguamnya telah menjawab surat suami dan menyatakan keengganannya memberi persetujuan serta meminta sebab-sebab mengapa suami ingin menceraikannya. Surat ini tidak dibalas oleh suami. Beberapa percubaan telah dibuat di Tribunal Perkahwinan Petaling Jaya, Selangor untuk mendamaikan kedua-dua pihak tetapi gagal. Pada 31 Disember 1993 isteri telah memfailkan permohonan untuk menuntut cerai. Permohonan ini belum lagi didengar. Pada tarikh yang sama isteri telah membuat permohonan ini sekarang iaitu untuk mendapatkan nafkah sementara (interim maintenance).

Mengikut s. 77 Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976], Mahkamah diberi kuasa untuk memberikan nafkah sementara yang dituntut oleh isteri semasa tindakan perceraian berjalan. Seksyen 77(1) adalah seperti berikut:

> 77(1) The Court may order a man to pay maintenance to his wife or former wife:
>
> (a) during the course of any matrimonial proceedings;
> (b) when granting or subsequent to the grant of a decree of divorce or judicial separation;
> (c) if, after a decree declaring her presumed to be dead, she is found to be alive.

Di samping itu mengikut peruntukan di dalam Akta yang sama Mahkamah juga diberi kuasa untuk memberikan tunggakan nafkah. Walau bagaimanapun ini hanya dihadkan kepada tiga tahun dari tarikh tindakan itu diambil. Ini dinyatakan di dalam s. 86(1) dan 86(3) Akta tersebut seperti berikut:

> 86(1) Subject to subsection (3), arrears of unsecured maintenance, whether payable by agreement or under an order of Court, shall be recoverable as a debt from the defaulter and, where they accrued due before the making of a receiving order against the defaulter, shall be provable in his or her bankruptcy and, where they accrued before or his death, shall be a debt due from his or her estate.
>
> (2) ....
> (3) No amount owing as maintenance shall be recoverable in any suit if it accrued due more than three years before the institution of the suit.

Di dalam permohonannya isteri memohon supaya nafkah diberi mulai daripada 25 Oktober 1988 iaitu tarikh perkahwinannya dengan suami. Dengan adanya peruntukan yang di atas adalah jelas kepada saya bahawa isteri hanya berhak untuk mendapatkan nafkah bermula daripada 1 Januari 1991 iaitu tiga tahun sebelum 31 Disember 1993 iaitu tarikh tindakan untuk perceraian dimulakan.

Di dalam permohonannya isteri menuntut nafkah sejumlah RM5,000 sebulan, pecahannya adalah seperti berikut:

(a)	Sewa rumah, makanan dan perbelanjaan runcit	RM2,000
(b)	Pengangkutan	RM600
(c)	Pakaian (purata sebulan)	RM600
(d)	Upah pembersih rumah	RM600
(e)	Perbelanjaan elektrik, air dan telefon	RM400
(f)	Pendandan, komestik dan penjagaan	RM400
(g)	Lain-lain perbelanjaan	RM400

Alasan-alasan yang telah diberikan oleh isteri untuk menuntut jumlah tersebut ialah suami adalah seorang yang berkemampuan dan boleh dijumlahkan sebagai seorang jutawan. Suami juga adalah seorang pengarah urusan bagi empat buah syarikat dan mempunyai banyak aset dan isterinya menyatakan bahawa pendapatan suami dijangkakan melebihi RM20,000 sebulan.

Di dalam afidavit jawapannya suami menyatakan yang pendapatannya berjumlah hanya lebih kurang RM12,000 sebulan sahaja. Dia telah mengemukakan notis taksiran cukai pendapatan Borang J(1) sebagai bukti pendapatannya. Dia juga menyatakan bahawa dari pendapatannya ia telah membayar ansuran kereta sebanyak RM7,770 dan ansuran rumah RM2,469 yang berjumlah RM10,239. Dia mengakui sepanjang perkahwinannya dengan isteri ia hanya memberi RM300 atau RM400 sekali-sekala. Pemberian ini diberi dari tahun 1988 hingga 1991 dan ini berjumlah RM30,000. Tidak ada bukti telah dikemukakan ke Mahkamah berkenaan perkara ini dan isteri tidak mengakui perkara ini.

Semasa perbicaraan di dalam kamar saya telah memutuskan bahawa isteri berhak untuk

a mendapatkan nafkah sementara (interim maintenance) sebanyak RM4,000 iaitu berkurangan sebanyak RM1,000 daripada yang dituntut oleh isteri. Pecahan pengurangan tersebut adalah seperti berikut:

b	Pengangkutan dikurangkan sebanyak	RM300
	Pakaian dikurangkan sebanyak	RM300
	Upah pembersih rumah dikurangkan sebanyak	RM300
	Pendandan dikurangkan sebanyak	RM100

c Suami yang tidak berpuashati di atas perintah yang telah saya berikan di dalam kamar telah memohon untuk penghujahan lanjut dan memberi notis untuk memeriksa balas isteri. Isteri pula telah memberi notis untuk memeriksa balas suami. Penghujahan lanjut ini telah dijalankan pada 24 Mac1994.

d Di dalam pemeriksaan balas ke atas isteri, suami telah membangkitkan keperluan isteri tinggal di Kuala Lumpur. Isteri telah menyatakan yang ia malu untuk balik ke tempat asalnya di Muar kerana perkahwinannya dengan suami telah retak dan ini telah diketahui oleh keluarga dari kedua-dua pihak dan kawan-kawan mereka di Muar. Dia menyatakan sewaan rumah, makanan dan perbelanjaan runcit adalah berpatutan memandangkan kadar sewa rumah yang tinggi di sekitar Kuala Lumpur setaraf dengan statusnya sebagai isteri kepada suaminya iaitu seorang yang berkemampuan dan membeli bahan-bahan makanan yang berkhasiat setaraf untuk menjaga kesihatannya. Suami tidak mempertikaikan pemberian Mahkamah bagi pengangkutan, upah pembersih rumah dan perbelanjaan letrik, air dan telefon. Suami telah menimbulkan perbelanjaan pendandan, kosmetik dan penjagaan serta lain-lain perbelanjaan yang dinyatakan di dalam tuntutan isteri. Isteri menyatakan wang untuk lain-lain perbelanjaan adalah untuk waktu kecemasan seperti berjumpa doktor dan apa-apa kontingensi yang tidak disenaraikan di dalam tuntutannya.

e

f

g

h

Suami di dalam pemeriksaan balasnya menyatakan yang ia adalah pemegang saham di dalam enam syarikat di Malaysia dan Singapura. Kesemuanya adalah syarikat-syarikat pembuat plastik. Dia mengakui empat

i

dari syarikat tersebut kepunyaan keluarga dan dua lagi kepunyaannya bersama-sama dengan kawan-kawannya. Suami juga mengakui bahawa dia adalah pemegang saham yang terbesar (majority shareholder) iaitu pemegang saham berjumlah 45% ke atas di dalam lima syarikat yang dinyatakannya. Hanya di satu syarikat sahaja ia memegang saham sejumlah 30% sahaja. Adalah jelas bahawa saham yang terbayar (paid up capital) di dalam enam syarikat melebihi RM2.5 juta. Dari ini Mahkamah berpendapat pegangan saham yang telah dibayar oleh suami melebihi RM1.0 juta dan ini menunjukkan dia seorang yang berada dan berkemampuan.

Suami juga mengakui bahawa beliau adalah pengarah urusan di dalam semua syarikat yang dinyatakan di atas. Di dalam keterangannya suami menyatakan bahawa dari enam syarikat yang dinyatakan hanya dua syarikat sahaja yang mendapat keuntungan, dua lagi baru sahaja ditubuhkan dan belum mendatangkan apa-apa keuntungan. Sungguhpun suami menyatakan demikian beliau tidak ada membuktikannya iaitu seperti mengemukakan akaun ataupun cukai pendapatan bagi syarikat berkenaan. Borang cukai pendapatan yang dikemukakan oleh beliau menunjukkan penggajiannya dan tidak ada menunjukkan keuntungan yang diperolehi dari syarikat-syarikat. Suami juga mengakui dia selalu sahaja ke sana ke mari dan tidak tetap di sesuatu tempat dan selalu juga ke luar negeri. Ini pada pendapat saya semuanya memerlukan perbelanjaan yang banyak. Fakta yang menarik perhatian saya ialah bayaran ansuran kereta sebanyak RM7,700.00 sebulan. Ini merupakan melebihi setengah daripada pendapatan bulanan yang dinyatakan oleh beliau. Memandangkan besarnya pelaburan yang telah dibuat ke atas dua syarikat yang baru oleh suami ini jelas menunjukkan yang suami mempunyai pendapatan dari punca lain untuk melabur di dalam syarikat tersebut sekiranya dibandingkan pendapatannya hanya RM12,000 semenjak tahun 1990 dan setelah menolak semua pembayaran ansuran kereta dan rumah dan juga perbelanjaannya yang selalu ke luar negeri. Mengambilkira semua yang dinyatakan di atas saya berpendapat pendapatan suami adalah melebihi RM12,000.00 sebulan.

Peguam pihak suami telah berhujah menyatakan bahawa nafkah hendaklah berasaskan 'means and needs' kedua-dua pihak. Ia telah menyatakan bahawa isteri hendaklah membuktikan 'immediate need' untuk pembayaran nafkah setinggi RM5,000. Ia telah merujuk kepada beberapa kes. Kes pertama yang dirujuknya ialah kes *SS v. HJK* 1333 **Mallal's Monthly Digest**, October 92. Adalah jelas kepada saya di dalam kes yang dinyatakan pendapatan isteri melebihi pendapatan suami bagi setiap bulan dan Mahkamah juga mendapati bahawa isteri mempunyai harta tak alih (landed property). Di atas prinsip 'equity' Y.A. Hakim di dalam kes tersebut memutuskan bahawa isteri tidak berhak mendapatkan nafkah daripada suaminya kerana dari fakta yang di atas isteri boleh menanggung dirinya sendiri. Kes kedua di mana yang dirujuk oleh pihak suami ialah kes *Agnes Lim Koay Tee v. Ang Lai San* [1992] 4 CLJ 1965. Di dalam kes itu juga Y.A. Hakim mendapati isteri ada mempunyai kerja tetap dan pendapatan yang tetap. Di samping itu isteri mempunyai rumah. Di dalam kes ini adalah jelas kepada saya bahawa isteri tidak mempunyai kerja tetap. Beliau juga tidak ada mempunyai apa-apa harta. Beliau sendiri mengakui bahawa dia sendiri malu untuk balik ke rumah ibubapanya iaitu yang berada berdekatan dengan rumah suaminya dan keluarga suaminya di atas kegagalan perkahwinannya. Adalah jelas kepada saya bahawa suami tidak ada memberi apa-apa sebab meninggalkan isteri. Isteri telah cuba untuk memulihkan perkahwinannya dengan suami iaitu pergi sendiri ke Penang tetapi tidak langsung dilayan oleh suami. Dari keterangan yang telah diberi adalah jelas kepada saya bahawa isteri tidak mempunyai pelajaran tinggi. Dengan itu beliau hanya boleh membuat kerja sambilan sahaja. Oleh sebab itu isteri telah membawa diri ke Kuala Lumpur untuk menampung kehidupannya.

Hak untuk mendapatkan nafkah bukan sahaja diperuntukkan oleh s. 78 Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) tetapi juga di dalam Common Law sebagaimana yang dinyatakan di dalam kes *Raquiza v. Raquiza* [1947] MLJ 202 di mana Brown, J. telah menyatakan seperti berikut:

> ... It is a husband's common law duty to maintain his wife, and the onus is upon him to show that for some good reason he is excused from the performance of that duty. Such a reason would be if he could show that his wife is living

> in adultery, or if without any sufficient reason she refuses to live with her husband [Section 37(7)]. But there is nothing in the evidence in this case which excuses him from the performance of his duty. And *Reed v. Moor is* authority for saying that a husband is not relieved from his duty to maintain his wife by the fact that she has money of her own.

Dari kes tersebut terdapat dua prinsip yang telah dinyatakan. Pertama adalah menjadi tugas suami untuk membayar nafkah kepada isteri dan pengecualian ke atasnya di dalam keadaan tertentu. Prinsip kedua ialah sungguhpun isteri mempunyai pendapatan yang tetap ini tidak membebaskan suami daripada membayar nafkah.

Di dalam kes *Lee Yu Lan v. Lim Thain Chye* [1984] 1 MLJ 56, Y.A. Hakim Peh Swee Chin (ia semasa itu) telah memutuskan bahawa Mahkamah mempunyai kuasa untuk memberikan tunggakan nafkah. Di muka surat 58 beliau berkata seperti berikut:

> ... I think I ought to deal with the order for past maintenance, i.e. from January, 1981 to date of hearing of the present application. Under s. 77(1) of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1976, it is provided that maintenance can be ordered, (a) during the course of any matrimonial proceedings, (b) when granting or subsequent to the granting of a decree of divorce or judicial separation, and (c) when a wife or former wife is found to be alone after a decree presuming her to be dead. In this connection, application for maintenance was made expressly under this Act. The wording of this s. 77(1) may appear to suggest that an application for maintenance payable or commencing as from the date of application within any of those periods aforesaid, but in my view, the Court would not be precluded in the absence of an express provision to that effect, from making any order for past maintenance by virtue of Married Women and Children (Maintenance) Act, 1950, from an antecedent date of neglect or refusal to maintain.

Di atas prinsip yang dinyatakan saya berpendapat isteri berhak untuk mendapatkan nafkah. Beliau juga berhak mendapat tunggakan ke atas nafkah tetapi ianya tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh tindakan ini difailkan. Saya juga mendapati tuntutan beliau adalah munasabah kecuali yang telah saya potong. Tuntutan beliau bukanlah satu tuntutan sebagai seorang yang mewah ataupun melebihi daripada biasa. Apa yang dituntut ialah merupakan bagi seseorang yang tinggal di Kuala Lumpur berasaskan kemampuan suami. Saya juga mendapati suami seorang yang berkemampuan dan boleh dikatakan kaya.

Di atas sebab-sebab yang dinyatakan saya berpendapat nafkah sementara (interim maintenance) yang telah saya beri di dalam kamar adalah berpatutan setelah mengambilkira pendapatan suami dan keperluan isteri. Dengan itu saya mengekalkan perintah nafkah sementara sebanyak RM4,000 sebulan. Walau bagaimanapun oleh kerana terdapatnya peruntukan s. 86 saya membenarkan perintah ini bermula daripada 1 Januari 1991 dan bukannya daripada 1 Januari 1994 sebagaimana yang dibuat di dalam kamar.